

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sebab beliau enggan mengadakan perjumpaan dengan Majlis Jawatankuasa Penasihat Teknikal Penerbangan (NACC) sejak YB Ayer Hitam pegang jawatan Menteri sejak 18 bulan yang lepas. Macam mana YB Menteri mendapat maklum balas daripada kesatuan sekerja syarikat penerbangan sekiranya beliau tidak hadir mesyuarat NACC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak negara dilanda pandemik COVID-19, Mesyuarat National Aviation Consultative Council - NACC terpaksa ditangguhkan bagi mengekang penularan pandemik tersebut. Sungguhpun demikian, Kerajaan tidak sama sekali mengabaikan keperluan pemain-pemain industri serta para pekerja sektor penerbangan awam negara yang terjejas teruk akibat daripada pandemik COVID-19.

Kerajaan melalui MAVCOM secara berterusan telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan pemain-pemain industri penerbangan termasuk syarikat-syarikat penerbangan, operator lapangan terbang, perkhidmatan pengendalian darat bagi mendapatkan maklum balas berhubung status semasa industri penerbangan, isu dan masalah yang dihadapi serta cadangan pemulihan industri penerbangan semasa dan pasca pandemik.

Dalam hubungan ini, berdasarkan maklumbalas-maklumbalas yang diterima, Kementerian Pengangkutan dan MAVCOM telah membentangkan 3 kertas pembentangan kepada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council – EAC*) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Jun 2020, 11 November 2020 dan 30 September 2021.

Pembentangan kertas tersebut adalah bertujuan untuk memaklumkan EAC berhubung status terkini sektor penerbangan negara, inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan agensi di bawahnya bagi menangani impak pandemik COVID-19 serta cadangan-cadangan pemulihan untuk tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Di antara isu-isu yang dibangkitkan adalah termasuk isu pekerja sektor penerbangan. Berasaskan kepada maklumbalas tersebut juga, Kerajaan melalui Belanjawan 2021 antara lain telah mengumumkan

peruntukan sebanyak RM50 juta untuk program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia.

Kementerian Pengangkutan sentiasa terbuka dalam menerima sebarang cadangan daripada semua pemain industri penerbangan termasuk mana-mana kesatuan sekerja syarikat penerbangan melalui pelbagai medium.

Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan pihak industri dan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan industri penerbangan awam negara kembali berdaya saing seiring dengan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi yang lain.